




Wadah
SIG



OLIMPIAD EMiBio PERINGKAT ANTARABANGSA

DR MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM, DR IZZATI ADILAH AZMIR, DR MU'ADZ AHMAD MAZIAN,
DR HISHAM MOHD NOOH, AMIRAH SHARIF, DR NURUL HIDAYAH ADENAN, SITI NURSYAZWANI
MAADON DAN DR SITI NOR ATIKA BAHARIN

EMiBio, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

aidilibrahim@uitm.edu.my

Editor: Mohd Syahril Mohd Zan

Program *International Undergraduate Symposium 3.0 (IVUS 3.0)*

yang telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Biologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri sembilan telah berlangsung dengan suasana yang gilang gemilang dimana ia melibatkan juga penyertaan daripada beberapa negara-negara jiran. Pelbagai aktiviti berlandaskan akademik telah dianjurkan di samping pembentangan projek-projek akhir tahun pelajar UiTM cawangan Negeri Sembilan di symposium IVUS3.0. SIG EMiBio juga turut tidak melepaskan peluang untuk menganjurkan aktiviti menarik semasa program tersebut berlangsung.

EMiBio tetap cemerlang dalam penganjuran aktiviti-aktiviti berlandaskan akademik di mana, pada kali ini, EMiBio telah diberi kepercayaan untuk mengelola satu slot aktiviti di bawah program IVUS 3.0. EMiBio telah menganjurkan pertandingan olimpiad secara atas talian yang telah diberi nama, "EMiBio International Olympiad" yang turut disertai bukan sahaja peserta-peserta dari dalam bahkan juga melibatkan pelajar dari luar negara. Pertandingan olimpiad tersebut telah berlangsung selama hampir dua jam dan telah dipenuhi dengan pelbagai pertandingan-pertandingan yang amat menarik namun masih berlandaskan akademik.

15th July 2022

Special Interest Group EMiBio Presents through International Virtual Undergraduates Symposium (IVUS 3.0)

EMiBio

EMiBio Olympiad

- Friendly Feud
- Colorful Envelope
- Lightning Round

A total of 90USD to be won!!

Universitas Maritim Raja Ali Haji, Indonesia

Universiti Teknologi MARA Negeri Sembilan, Malaysia

Universitas Andalas Indonesia

Universiti Sains Islam Malaysia

JOIN US

10 AM (Malaysia) | 9 AM (Indonesia)

Made with PosterMyWall.com


Gambar 1. Poster *EMiBio International Olympiad* memaparkan kesemua para peserta dari setiap Universiti yang mengambil bahagian



Wadah SIG



Terdapat empat kumpulan pelajar yang telah mengambil bahagian di mana masing-masing mewakili empat universiti termasuk dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) sendiri, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Maritim Raja Ali Haji (UMRAH), Indonesia, dan Universitas Andalas (UNAND), Indonesia. Setiap kumpulan terdiri daripada empat orang peserta, di mana secara keseluruhan terdapat 16 orang peserta telah mengambil bahagian di dalam olimpiad ini. Pertandingan Olimpiad ini telah dijalankan mengikut format liga di mana dua universiti bertempur di dalam satu pusingan manakala dua universiti lagi bertempur di dalam pusingan yang berasingan tetapi dijalankan secara serentak. Pembahagian kumpulan liga tersebut telah dibuat secara adil dan saksama di mana proses pengundian telah dibuat sebelum pertandingan olimpiad dimulakan. Setiap pasukan akan mengharungi tiga permainan antaranya adalah *Friendly Feud*, *Colorful Envelope*, dan *Lightning Round*. Permainan *Friendly Feud* telah diadaptasi dari pertandingan siri televisyen yang popular iaitu *Family Feud*. Format pertandingan adalah sama, kecuali soalan-soalan yang diajukan adalah bertemakan bidang biologi. Seterusnya, permainan *Colorful Envelope* telah dimainkan di mana setiap peserta berpeluang untuk memilih sampul surat yang berwarna di mana terdapat soalan-soalan matematik yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa hanya 20 saat. Setiap jawapan yang tepat diberi markah kepada kumpulan. Akhir sekali, permainan *Lightning Round* dimainkan dengan setiap ahli kumpulan diberi peluang untuk cuba memberikan jawapan kepada soalan-soalan yang diajukan oleh moderator hanya dalam masa 30 saat sahaja.



Gambar 2. Permainan *Friendly Feud* di antara UiTM dan UMRAH

Format pertandingan adalah dimana semua para peserta setiap kumpulan perlu menjawab sebanyak mana soalan yang mungkin diajukan bagi mengumpul markah yang lebih banyak. Soalan-soalan yang diajukan dalam permainan ini ialah bertemakan pengetahuan am. Setelah tamat ketiga-tiga permainan, markah yang terkumpul akan dikira oleh moderator bagi menentukan siapa di antara dua universiti yang layak mara ke peringkat akhir yang mana pasukan yang mara akan bertempur dengan juara bagi kumpulan liga yang satu lagi. Di peringkat akhir, permainan yang sama telah dimainkan tetapi dengan soalan-soalan yang lebih mencabar pengetahuan para peserta.

Program olimpiad ini telah dimulakan dengan kata-kata aluan moderator iaitu Dr. Nurul Hidayah Adenan yang merupakan ahli EMiBio yang terbaharu. Setelah itu, keempat-empat pasukan telah dipisahkan mengikut kumpulan liga masing-masing di dalam dua platform atas talian yang berasingan supaya permainan dapat dijalankan secara serentak. Kumpulan liga pertama melibatkan pertempuran di antara kumpulan UiTM dan kumpulan UMRAH. Manakala kumpulan liga kedua terdiri daripada kumpulan UNAND menentang kumpulan USIM. Setelah permainan liga telah dijalankan, juara bagi setiap kumpulan liga telah dinobatkan berdasarkan kumpulan markah dari ketiga-tiga permainan untuk mara ke peringkat akhir. Pertandingan akhir menyaksikan pertempuran antara juara bagi kumpulan liga masing-masing iaitu antara UiTM dan USIM. Pertandingan akhir telah dijalankan di platform utama di mana kesemua peserta IVUS3.0 dapat menyaksikan bersama. Di akhir program olimpiad tersebut, dapat disaksikan kumpulan USIM telah mengungguli *EMiBio International Olympiad* apabila telah muncul sebagai juara. Kumpulan UiTM telah dinobatkan sebagai naib juara, tempat ketiga disandang oleh kumpulan UNAND, manakala tempat keempat disandang oleh kumpulan UMRAH.




Wadah SIG




Maklumbalas yang telah diterima dari kesemua para peserta olimpiad, rata-ratanya telah menyatakan perasaan yang amat seronok dan gembira apabila dapat menyertai pertandingan yang berlandaskan akademik seperti ini. Pertandingan-pertandingan seperti ini terbukti dapat meningkatkan minat para pelajar dalam aktiviti pendidikan.

Arus permodenan dunia bersama teknologi-teknologi terkini memberi impak yang positif terhadap pemikiran generasi kini. Metod-metod pengajaran di dalam bilik kuliah juga harus sejajar dengan evolusi ini supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan secara lebih efektif. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dirancakkan jikalau elemen-elemen moden seperti ini diadaptasi ke dalam sistem pendidikan. Ini dapat meningkatkan minat para pelajar dan terus cemerlang di dalam aktiviti pendidikan.

Program EMiBio International Olympiad ini merupakan program terakhir yang dipelopori oleh Dr. Izzati Adilah Azmir selaku ketua untuk kumpulan SIG EMiBio memandangkan beliau telah pun melapor diri di UiTM Shah Alam. Walaubagaimanapun, beliau akan tetap menjadi ahli aktif di dalam SIG EMiBio dan terus cemerlang dalam merencanakan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan pada masa akan datang. Rombakan ahli jawatankuasa EMiBio akan dijalankan dalam masa yang terdekat dan ketua SIG EMiBio yang baharu yang mana bakal mengalas tugas sebagai ketua kumpulan akan ditentukan di antara dua calon berkaliber di antaranya adalah Dr. Mu'adz Ahmad Mazian dan juga Dr. Nurul Hidayah Adenan. Pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik yang bakal dianjurkan EMiBio kelak! Jadi nantikan sahaja.



Gambar 3. Antara jawapan beserta markah-markah yang telah ditetapkan di dalam permainan *Friendly Feud*



Gambar 4. Antara contoh soalan matematik yang perlu diselesaikan oleh peserta dalam masa 20 saat



Gambar 5. Semasa *PPBio Farewell Hi-Tea Party* bagi merayakan kedua-dua ahli EMiBio ini di Royal Chulan Hotel, Seremban. Puan Siti Nursyazwani Maadon (kiri) yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran dan Dr. Izzati Adilah Azmir (kanan) mantan ketua SIG EMiBio yang bakal bertukar kampus ke UiTM Shah Alam. Diucapkan selamat maju jaya!